UniSZA BRIGHT

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM BIASISWA PASCASISWAZAH

1.0 PENGENALAN

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menawarkan Skim Biasiswa Pascasiswazah (UniSZA BRIGHT) kepada calon yang layak bagi menyokong pengajian pascasiswazah serta memperkukuh kecemerlangan akademik dan penyelidikan di universiti ini. Permohonan adalah tertakluk kepada syarat dan ketetapan yang ditetapkan oleh pihak universiti.



2.0 SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

Pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:-

2.1 **Syarat Umum**

2.1.1 Terbuka kepada pelajar yang menamatkan pengajian di peringkat sarjana muda / sarjana daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

2.1.2 Warganegara Malaysia.

2.1.3 Berumur 35 tahun dan ke bawah.

2.1.4 Tidak menerima apa-apa biasiswa atau penajaan lain semasa memohon atau menerima biasiswa ini.

2.1.5 Biasiswa ini hanya ditawarkan kepada pelajar yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Biasiswa Pascasiswazah UniSZA (UniSZA BRIGHT).

2.1.6 Calon yang terpilih hendaklah mendaftar sebagai pelajar Sarjana atau PhD Mod Sepenuh Masa di UniSZA selepas pengumuman pemilihan.

2.1.7 Pemohon tidak pernah ditamatkan bantuan oleh mana-mana badan penaja atas sebab tindakan disiplin, menyalahi undang-undang negara dan tidak pernah diberhentikan oleh mana-mana IPT atas masalah akademik/disiplin.

2.1.8 Pemohon yang telah memiliki kelayakan akademik bagi peringkat pengajian yang sama atau dinilai setaraf dengan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran/PhD **TIDAK** akan dipertimbangkan.

2.1.9 Bidang pengajian bagi pemohon UniSZA BRIGHT merangkumi:

- Muamalat (Shariah-based Programme)
- Islamic Economics
- Islamic Finance
- Muamalat Administration
- Halal Management
- Islamic Banking
- Risk Management and Takaful
- Islamic Financial Planning and Wealth Management

2.2 **Syarat Khusus**

2.2.1 Memenuhi syarat jenis pengajian dan tempoh pengajian :-

Peringkat Pengajian	Mod Pengajian	Jenis Pengajian	Tempoh Pengajian
Sarjana	Penyelidikan	Sepenuh Masa	4 semester
Ijazah Kedoktoran/ PhD	Penyelidikan	Sepenuh Masa	6 semester

2.2.2 Tempoh Pengajian tertakluk kepada surat tawaran pengajian dan tidak kurang/melebihi tempoh pengajian seperti di para 2.2.1. Pemohon perlu menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

2.2.6 Pemohon di peringkat Ijazah Kedoktoran/PhD perlu menyediakan kertas cadangan penyelidikan (*research proposal*) dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

2.2.8 Pemohon telah memenuhi semua syarat kelayakan akademik yang ditetapkan bagi mengikuti kursus yang dipilih. Salinan sijil akademik di peringkat pengajian tertinggi perlu disertakan (rujuk senarai semak muat naik dokumen di Panduan Permohonan).

2.2.9 Permohonan dibuka kepada pemohon yang memenuhi syarat kelayakan akademik seperti berikut :-

Peringkat pengajian semasa	Syarat kelayakan akademik tertinggi
Sarjana	Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan dengan memperolehi sekurangkurangnya keputusan **CGPA ≥ 3.50**

Ijazah Kedoktoran / PhD	i. Memiliki Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh kerajaan dengan memperolehi sekurangkurangnya keputusan **CGPA ≥ 3.50**; atau ii. Memperolehi keputusan **Lulus** bagi mod pengajian secara penyelidikan.

3.0 TEMPOH DAN TATACARA PEMBAYARAN BIASISWA

3.1 Tempoh tawaran biasiswa akan bermula dari semester semasa iaitu ketika permohonan dikemukakan dan berdasarkan tempoh tamat pengajian sebenar tertakluk kepada syarat kelulusan.

3.2 Kelayakan pinjaman pelajaran dalam tempoh pinjaman yang diluluskan merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup (ESH), Geran Penyelidikan, dan Sokongan Persidangan/Penerbitan tertakluk kepada kelulusan.

3.3 Pembayaran yuran pengajian dan elaun sara hidup bagi semester pertama (1) akan dibuat dalam tempoh enam (6) bulan pertama.

3.4 Pembayaran yuran pengajian dan elaun sara hidup pada semester seterusnya adalah mengikut Laporan Kemajuan Penyelidikan (Research Progress Report).

3.5 Pelajar dikehendaki mendaftar pengajian mengikut struktur pengajian yang ditetapkan oleh pihak universiti sebelum pembayaran yuran pengajian dan elaun sara hidup diproses.

3.6 Yuran pengajian dan yuran yang berkaitan akan dibayar terus kepada universiti. Manakala, elaun sara hidup (6 bulan) akan dibayar terus ke akaun pelajar pada setiap awal semester.

3.7 Pelajar berhak ditangguhkan pembayaran yuran pengajian dan elaun sara hidup atas justifikasi tertentu.

4.0 TATACARA PERMOHONAN

4.1 Permohonan hendaklah dengan mengisi borang yang boleh dimuat turun melalui pautan https://pps.unisza.edu.my/unisza-bright bermula 01 Januari 2026 hingga 15 Februari 2026.

4.2 Borang permohonan yang lengkap diisi beserta dokumen sokongan perlu dihantar ke Pusat Pengajian Siswazah UniSZA melalui emel: pps_bright@unisza.edu.my.

4.3 Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

4.4 UniSZA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pinjaman tanpa memberikan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu sekiranya didapati perlu atau/dan pemohon memberi maklumat palsu.

4.5 Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak UniSZA selepas dua (2) bulan daripada tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya dan keputusan adalah muktamad.

4.6 Sebarang pertanyaan mengenai Skim Biasiswa Pascasiswazah (UniSZA BRIGHT) boleh dibuat melalui emel: pps_bright@unisza.edu.my.